

15 Pelajar SLC USIM kongsi pengalaman dengan pelajar UIN SUSKA di Pekanbaru

SEREMBAN 17 Feb. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Program Kembara Ilmiah Kelab Syariah & Undang-Undang (SLC) baru-baru ini telah berkunjung ke Pekanbaru dan Padang, Indonesia yang melibatkan penyertaan daripada 15 ahli Kelab Syariah & Undang-Undang.

Berlangsung pada 20 hingga 24 Januari lalu, program pengantarabangsaan berbentuk lawatan akademik (LA) itu bertujuan memberi pengalaman kepada ahli yang terlibat.

Terdiri daripada pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), program LA ini memerlukan pelajar melaksanakan *transfer knowledge* bersama pusat pengajian terpilih yang dilawati di sana.

Delegasi yang diketuai pensyarah pengiring, Dr. Setiyawan Gunardi itu disambut ceria oleh urus setia Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA) di lapangan terbang sebelum di bawa hotel penginapan.

Sepanjang lima hari empat malam, pelbagai program berbentuk akademik diatur antaranya Forum Antarabangsa di Islamic Center UIN SUSKA.

Forum yang dihadiri kira-kira 250 orang melibatkan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan universiti itu membincangkan perbandingan mengenai undang-undang, syariah dan adat kebudayaan kedua-dua negara, Malaysia dan Indonesia.

Ahli panel forum pula terdiri daripada pimpinan pelajar dan pensyarah UIN SUSKA serta 3 orang mahasiswa USIM iaitu Abdul Alim Abdul Aziz, Muhammad Kamil Yazid dan Atyrah Hanim Razali itu ternyata berjaya memukau khalayak yang menonton.

Selesai forum, para peserta juga di bawa melawat sekitar kampus terutamanya Fakultas Hukum dan Syariah.

Menurut Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM, Imran Razalle, kunjungan ke Fakultas Hukum UNAND dilihat membuka pemikiran baharu pelajar mendalami ilmu undang-undang selain berpeluang melihat perbicaraan dalam *moot court* serta

bertukar informasi mengenai silibus pengajian, kepimpinan dan pendediaan maklumat mengenai undang-undang dua negara serumpun.

"Institusi pengajian tinggi lain yang turut dikunjungi adalah Universitas Andalas (UNAND) dan kunjungan ke Islamic Centre Bangkinang yang menjadi pusat aktiviti bagi masyarakat yang beragama Islam pula dilihat mampu mengagumkan peserta apabila dapat bersama 100 kanak-kanak berusia empat hingga tujuh tahun yang mendalami ilmu bacaan al-Quran dan agama walaupun masih kecil.

"Selain itu, kami juga turut dibawa ke perkampungan Kelok 44. Keunikan masyarakat setempatnya

adalah menanam padi menggunakan sistem bertingkat yang mana mereka memanfaatkan kawasan lereng bukit dan curahan air mata air semula jadi.

"Kedinginan Puncak Lawang dengan suhu sekitar 24-27 darjah selsius yang dikelilingi panorama bukit bukau, tumbuhan hijau dan keindahan tasik dikenali Danau Maninjau itu juga ternyata menggamit perhatian peserta semasa berada di sana," ujarnya.

Tambahnya lagi, semasa di Bukit Tinggi, peserta di bawa menerokai Lobang Jepang yang merupakan destinasi wajib dilawati.

Merupakan laluan bawah tanah yang dibina oleh tentera Jepun un-

tuk dijadikan tempat persembunyian, penyimpanan senjata dan harta rampasan, laluan itu juga dijadikan sebagai lubang mengintip aktiviti masyarakat setempat.

Program yang berlangsung itu secara tidak langsung membuka ruang kepada peserta untuk menyantuni dan mendekati sosio-budaya masyarakat setempat di Pekanbaru dan Padang khususnya masyarakat Kampar dan Minang yang sinonim dengan beberapa kawasan di Negeri Sembilan.

Lawatan ini telah memberi ruang kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran insaniah dan pembangunan modal insan.